



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 18 September 2024.

**Disediakan oleh,  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	<b>Hanya Dua Rumah Amal GISBH Berdaftar Dengan JKM</b> <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/686050/berita/semasa/hanya-dua-rumah-amal-gisbh-berdaftar-dengan-jkm">https://www.sinarharian.com.my/article/686050/berita/semasa/hanya-dua-rumah-amal-gisbh-berdaftar-dengan-jkm</a> <a href="https://www.youtube.com/watch?v=D1lsqPwGBps">https://www.youtube.com/watch?v=D1lsqPwGBps</a> <a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1134838/hanya-2-rumah-amal-gisbh-berdaftar-jkm#google_vignette">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1134838/hanya-2-rumah-amal-gisbh-berdaftar-jkm#google_vignette</a> <a href="https://www.utusan.com.my/berita/2024/09/hanya-dua-rumah-amal-dikaitkan-gisbh-berdaftar-jkm/">https://www.utusan.com.my/berita/2024/09/hanya-dua-rumah-amal-dikaitkan-gisbh-berdaftar-jkm/</a> <a href="https://www.kosmo.com.my/2024/09/17/hanya-dua-rumah-amal-gisbh-berdaftar-jkm/">https://www.kosmo.com.my/2024/09/17/hanya-dua-rumah-amal-gisbh-berdaftar-jkm/</a>	Sinar Harian Astro Awani Harian Metro Utusan Kosmo	Neutral
2.	<b>Warga Emas Maut Dihempap Pokok Di Tapak Perkhemahan</b> <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/686123/berita/semasa/warga-emas-maut-dihempap-pokok-di-tapak-perkhemahan">https://www.sinarharian.com.my/article/686123/berita/semasa/warga-emas-maut-dihempap-pokok-di-tapak-perkhemahan</a> <a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/09/1299604/warga-emas-maut-dihempap-pokok-ketika-berkhemah-cucu-cedera">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/09/1299604/warga-emas-maut-dihempap-pokok-ketika-berkhemah-cucu-cedera</a> <a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-maut-dihempap-pokok-488244">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-maut-dihempap-pokok-488244</a>	Sinar Harian Berita Harian Astro Awani	Neutral

	<p><a href="https://www.utusan.com.my/berita/2024/09/warga-emas-maut-dihempap-pokok-di-balok/">https://www.utusan.com.my/berita/2024/09/warga-emas-maut-dihempap-pokok-di-balok/</a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1134979/warga-emas-maut-dihempap-pokok-ketika-berkemah">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1134979/warga-emas-maut-dihempap-pokok-ketika-berkemah</a></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2024/09/18/warga-emas-maut-dua-cedera-pokok-tumbang-di-tapak-perkemahan/">https://www.kosmo.com.my/2024/09/18/warga-emas-maut-dua-cedera-pokok-tumbang-di-tapak-perkemahan/</a></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2024/09/17/warga-emas-mati-dihempap-pokok-di-tapak-khemah/">https://malaysiagazette.com/2024/09/17/warga-emas-mati-dihempap-pokok-di-tapak-khemah/</a></p> <p><a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/warga-emas-maut-dua-cedera-dihempap-pokok">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/warga-emas-maut-dua-cedera-dihempap-pokok</a></p> <p><a href="https://malaysiatribune.news/2024/09/18/warga-emas-maut-dihempap-pokok-ketika-berkemah/">https://malaysiatribune.news/2024/09/18/warga-emas-maut-dihempap-pokok-ketika-berkemah/</a></p>	<p>Utusan</p> <p>Harian Metro</p> <p>Kosmo</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Berita RTM</p> <p>Malaysia Tribune</p>	
3.	<p><b>Kanak-Kanak Rohingya Kes Bunuh Tiga Beranak Ditempatkan Di Pusat Jagaan JKM</b></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2024/09/17/kanak-kanak-rohingga-kes-bunuh-tiga-beranak-ditempatkan-di-pusat-jagaan-jkm/">https://www.kosmo.com.my/2024/09/17/kanak-kanak-rohingga-kes-bunuh-tiga-beranak-ditempatkan-di-pusat-jagaan-jkm/</a></p>	<p>Kosmo</p>	Neutral
4.	<p><b>Jumlah Mangsa Banjir Di Kedah Meningkat 1,018 Orang</b></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/09/1299585/jumlah-mangsa-banjir-di-kedah-meningkat-1018-orang">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/09/1299585/jumlah-mangsa-banjir-di-kedah-meningkat-1018-orang</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2341377">https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2341377</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/686149/edisi/utara/mangsa-banjir-di-kedah-meningkat-kepada-1018-orang">https://www.sinarharian.com.my/article/686149/edisi/utara/mangsa-banjir-di-kedah-meningkat-kepada-1018-orang</a></p> <p><a href="https://www.buletintv3.my/nasional/mangsa-banjir-di-kedah-meningkat-675-orang-petang-ini/">https://www.buletintv3.my/nasional/mangsa-banjir-di-kedah-meningkat-675-orang-petang-ini/</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/tv/news.php/news.php?id=2341396">https://www.bernama.com/tv/news.php/news.php?id=2341396</a></p>	<p>Berita Harian</p> <p>HarBernama</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Bernamea</p>	Neutral

5.	<p><b>Kanak-Kanak GISBH: Sebahagiannya Di 'Bin' Kan Abdullah</b></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/utama/2024/09/1134765/kanak-kanak-gisbh-sebahagiannya-di-bin-kan-abdullah">https://www.hmetro.com.my/utama/2024/09/1134765/kanak-kanak-gisbh-sebahagiannya-di-bin-kan-abdullah</a></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/09/129928/2/eksploitasi-kanak-kanak-ada-di-bin-kan-abdullah-kerana-tak-tahu">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/09/129928/2/eksploitasi-kanak-kanak-ada-di-bin-kan-abdullah-kerana-tak-tahu</a></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/terkini-eksploitasi-kanak-kanak-ada-di-bin-kan-abdullah-kerana-tak-tahu-status-x95rv40">https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/terkini-eksploitasi-kanak-kanak-ada-di-bin-kan-abdullah-kerana-tak-tahu-status-x95rv40</a></p>	<p>Harian Metro</p> <p>Berita Harian</p> <p>Astro Awani</p>	Neutral
6.	<p><b>GISBH: Ibu Bapa Kanak-Kanak Dikenal Pasti, Enggan Tampil Mengaku Anak Mereka</b></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/09/gisbh-ibu-bapa-kanak-kanak-dikenal-pasti-enggan-tampil-mengaku-anak-mereka/#google_vignette">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/09/gisbh-ibu-bapa-kanak-kanak-dikenal-pasti-enggan-tampil-mengaku-anak-mereka/#google_vignette</a></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2024/09/18/ibu-bapa-tidak-mengaku-anak-mereka-penghuni-rumah-amal-gisbh/">https://www.kosmo.com.my/2024/09/18/ibu-bapa-tidak-mengaku-anak-mereka-penghuni-rumah-amal-gisbh/</a></p>	<p>Utusan</p> <p>Kosmo</p>	Neutral
7.	<p><b>GISBH: Lima Elemen Jenayah Dikenal Pasti Libat Mangsa</b></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/686033/berita/semasa/gisbh-lima-elemen-jenayah-dikenal-pasti-libat-mangsa">https://www.sinarharian.com.my/article/686033/berita/semasa/gisbh-lima-elemen-jenayah-dikenal-pasti-libat-mangsa</a></p>	<p>Sinar Harian</p>	Neutral
8.	<p><b>Masih Ramai Tak Faham Mengenai Hak Kanak-Kanak</b></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/686169/suara-sinar/lidah-pengarang/masih-ramai-tak-faham-mengenai-hak-kanak-kanak">https://www.sinarharian.com.my/article/686169/suara-sinar/lidah-pengarang/masih-ramai-tak-faham-mengenai-hak-kanak-kanak</a></p>	<p>Sinar Harian</p>	Neutral
9.	<p><b>Tiga Wanita Ditahan Dalam Op Global Sambung Reman Hingga 22 Sept</b></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tiga-wanita-ditahan-dalam-op-global-sambung-reman-hingga-22-sept-488227">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tiga-wanita-ditahan-dalam-op-global-sambung-reman-hingga-22-sept-488227</a></p>	<p>Astro Awani</p>	Neutral

	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1134832/op-global-wanita-disambung-reman-lima-hari">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1134832/op-global-wanita-disambung-reman-lima-hari</a>  <a href="https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/op-global-tiga-wanita-ditahan-sambung-reman-hingga-22-september">https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/op-global-tiga-wanita-ditahan-sambung-reman-hingga-22-september</a>  <a href="https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2341415">https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2341415</a>	<p>Harian Metro</p> <p>Berita RTM</p> <p>Bernamea</p>	
10.	<p><b>2 Wanita OKU Terkandas Dalam Banjir Kilat</b></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2024/09/17/2-wanita-oku-terkandas-dalam-banjir-kilat/#google_vignette">https://www.kosmo.com.my/2024/09/17/2-wanita-oku-terkandas-dalam-banjir-kilat/#google_vignette</a>   <a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/09/bomba-selamatkan-dua-wanita-oku-terperangkap-dalam-banjir-kilat/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/09/bomba-selamatkan-dua-wanita-oku-terperangkap-dalam-banjir-kilat/</a></p>	<p>Kosmo</p> <p>Utusan</p>	Neutral
11.	<p><b>Rumah Ibu Tunggal Terbakar Berpunca 'Power Bank'</b></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/686130/berita/semas-a/rumah-ibu-tunggal-terbakar-berpunca-power-bank">https://www.sinarharian.com.my/article/686130/berita/semas-a/rumah-ibu-tunggal-terbakar-berpunca-power-bank</a>   <a href="https://malaysiagazette.com/2024/09/17/dbkl-tawar-rumah-pada-ibu-tunggal-terbakar-rumah/#google_vignette">https://malaysiagazette.com/2024/09/17/dbkl-tawar-rumah-pada-ibu-tunggal-terbakar-rumah/#google_vignette</a>   <a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1134948/dbkl-sumbang-rm1000-kepada-ibu-tunggal-terbabit-kebakaran">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1134948/dbkl-sumbang-rm1000-kepada-ibu-tunggal-terbabit-kebakaran</a></p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Harian Metro</p>	Neutral
12.	<p><b>Warga Emas Tabah Jaga Suami Terlantar</b></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1134808/warga-emas-tabah-jaga-suami-terlantar">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1134808/warga-emas-tabah-jaga-suami-terlantar</a></p>	<p>Harian Metro</p>	Neutral

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## HANYA DUA RUMAH AMAL GISBH BERDAFTAR DENGAN JKM



Razarudin ketika sidang media di Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur pada Selasa. Foto Bernama

KUALA LUMPUR - Hanya dua daripada 20 rumah amal yang dikaitkan dengan GISB Holding Sdn Bhd (GISBH) didapati berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Ini susulan serbuan yang dilakukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) menerusi Op Global di sekitar Selangor dan Negeri Sembilan pada 11 September lalu.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain berkata, adalah satu kesalahan jika pengoperasian rumah amal tidak mempunyai kelulusan daripada pihak JKM.

"Hanya dua (rumah amal) yang berdaftar daripada 20 (yang diserbu). Jadi 18 lagi tidak berdaftar.

"Pihak JKM tidak dapat melakukan pemeriksaan berkala terhadap premis itu sekiranya tidak berdaftar," katanya pada sidang akhbar di Pusat Latihan Polis (Pulapol) Kuala Lumpur di sini pada Selasa.

Tambah beliau, sekiranya pejabat agama negeri ada mengeluarkan kebenaran rumah amal untuk beroperasi, maka ia bukan di bawah tindakan JKM malah perlu merujuk kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Dalam pada itu, kata Razarudin, polis sudah mengenal pasti sebahagian ibu bapa daripada 392 kanak-kanak yang diselamatkan, namun kesemua mereka masih belum tampil untuk diambil keterangan.

"Kita (polis) mendapati mereka kemungkinan tidak tahu anak mereka sudah diselamatkan polis dan mungkin juga mereka ini tidak tampil kerana sebelum ini (pihak pengurusan) GISBH mendakwa mangsa ini adalah anak yatim.

"Siasatan juga mendapati, sebahagian kanak-kanak ini sudah dibinkan Abdullah disebabkan perkahwinan awal tidak didaftarkan. Mereka (pasangan) ini apabila mengandung baru daftar di Pejabat Agama Islam Negeri mengikut peruntukan undang-undang," katanya.



Selain itu, Razarudin berkata, pihaknya tidak menolak kemungkinan ada antara kanak-kanak diselamatkan itu merupakan adik-beradik.

## **WARGA EMAS MAUT DIHEMPAP POKOK DI TAPAK PERKHEMAHAN**

KUANTAN - Seorang warga emas maut manakala dua lagi cedera akibat dihempap pokok tumbang ketika berkhemah dalam satu kejadian ribut dan angin kencang di Kem Nemo, Kampung Balok di sini pada Selasa.

Mangsa, Che Zakaria Che Ali, 68, yang beralamat di Kemaman, Terengganu dilaporkan meninggal dunia di lokasi kejadian.

Dua lagi mangsa iaitu seorang wanita dewasa dan seorang kanak-kanak mengalami kecederaan, dibawa ke Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) oleh orang awam.



Pasukan APM mengeluarkan mangsa yang meninggal dunia akibat dihempap pokok dalam kejadian ribut di tapak perkhemahan Kem Nemo di Kampung Balok pada Selasa. Foto APM Pahang.

Pegawai Angkatan Pertahanan Awam (APM) Daerah Kuantan, Mejar Pertahanan Awam (PA) Zahidi Zainudin berkata, enam anggota APM dan seorang pegawai telah dikerahkan ke lokasi kejadian selepas menerima panggilan sekitar jam 3.36 petang.

"Kejadian ribut dan angin kencang itu mengakibatkan pokok tumbang dan menghempap tapak perkhemahan di situ. Terdapat kecederaan serta kemalangan jiwa dilaporkan.

"Tiga mangsa terlibat iaitu seorang warga emas meninggal dunia, manakala seorang wanita dewasa dan seorang kanak-kanak telah dibawa oleh orang awam ke hospital," katanya dalam satu kenyataan.

Tambahnya lagi, rawatan awal telah diberikan kepada mangsa yang terlibat dan pokok yang tumbang telah selesai dibersihkan.

## **KANAK-KANAK ROHINGYA KES BUNUH TIGA BERANAK DITEMPATKAN DI PUSAT JAGAAN JKM**

JITRA – Kanak-kanak lelaki etnik Rohingya yang kematian ibu dan adik-beradiknya akibat dibunuh bapa sendiri bulan lalu, kini ditempatkan di sebuah pusat jagaan kanak-kanak di bawah kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Kedah.

Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta Perpaduan Kedah, Datuk Halimaton Shaadiah berkata, kanak-kanak berusia lima tahun itu ditempatkan di situ setelah keluar dari Hospital Sultanah Bahiyah (HSB), Alor Setar pada awal September lalu.

“Sebelum ini kanak-kanak itu ditempatkan di HSB bagi mendapatkan rawatan serta kaunseling dari pihak JKM. Setelah mendapat perintah mahkamah, kanak-kanak itu kemudian ditempatkan di sebuah pusat jagaan kanak-kanak di bawah kelolaan JKM sejak 3 September lalu.

“Di mana lokasinya, saya tak boleh dedahkan. Kanak-kanak itu hanya akan ditempatkan di situ buat sementara berikutan statusnya yang bukan warganegara Malaysia,” katanya di sini semalam.

Dalam kejadian pada 18 Ogos lalu, suspek bertindak kejam apabila mengelar leher isteri berusia 34 tahun serta dua anaknya berusia dua dan 10 tahun sehingga mati di sebuah bangunan terbiar di Lebuhraya Sultan Abdul Halim, Alor Setar.

Mayat isteri dan anak perempuannya berusia 10 tahun ditemui di dalam longkang di belakang bangunan terbiar tersebut manakala mayat kanak-kanak lelaki berkenaan dibuang ke dalam longkang di Jalan Pegawai sebelum ditemui terdampar di Pantai Leman, Kuala Kedah.

Kanak-kanak lelaki berusia lima tahun itu pula ditemui selamat bersama suspek apabila kedua-dua mereka berjalan sejauh lebih 17 kilometer selepas pembunuhan itu berlaku ke Masjid Al-Hidayah, Bukit Pinang. – KOSMO! ONLINE

## **JUMLAH MANGSA BANJIR DI KEDAH MENINGKAT 1,018 ORANG**



Pengarah JKM Kedah, Datuk Zulhairi Zainol Abidin (kanan) menunjukkan Kod QR yang perlu diimbas mangsa banjir ketika mendaftar di PPS di negeri ini bagi membolehkan bantuan diterima. - Foto NSTP/ZULIATY ZULKIFFLI



ALOR SETAR: Jumlah mangsa banjir di Kedah terus meningkat kepada 1,018 orang daripada 268 keluarga yang ditempatkan di 11 pusat pemindahan sementara (PPS) di negeri ini.

Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Kedah, Datuk Zulkhairi Zainol Abidin berkata, jumlah itu dilaporkan sehingga jam 8 malam ini berbanding 675 mangsa yang dipindahkan ke sembilan PPS di negeri ini pada jam 5 petang tadi.



Anggota Angkatan Pertahanan Awam (APM) menjalankan tinjauan ketika banjir di Kampung Padang Luar ketika tinjauan banjir di Kubang Pasu hari ini. - Foto BERNAMA

Katanya, pihaknya melakukan persediaan untuk menjaga kebajikan semua mangsa yang ditempatkan di PPS dan pihaknya sudah menyediakan keperluan harian khususnya makanan dan keperluan asas lain kepada mangsa.

Beliau berkata, bekalan makanan sedia ada mampu bertahan selama dua minggu untuk sekurang-kurangnya 10,000 orang mangsa.



Pandangan dari udara situasi banjir di Kampung Padang Luar, Kubang Pasu hari ini. - Foto BERNAMA

Beliau juga jangkakan jumlah mangsa banjir di negeri ini akan terus meningkat berikutan hujan ketika ini beberapa sungai dinaiki air.

## **2 WANITA OKU TERKANDAS DALAM BANJIR KILAT**

SEBERANG PERAI – Dua wanita yang merupakan orang kelainan upaya (OKU) berjaya diselamatkan anggota bomba dalam kejadian banjir kilat di Jalan Bayan Kechil, Taman Nibong Tebal, hari ini.

Kedua-dua mangsa berusia dalam lingkungan 50-an telah dipindahkan pasukan bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Nibong Tebal.

Jurucakap bomba negeri berkata, hujan lebat sejak awal pagi tadi menyebabkan berlakunya kejadian banjir kilat di kawasan perumahan berkenaan dengan kedalaman kira-kira dua kaki (0.6 meter).

Menurutnya, pihaknya menerima panggilan menyelamatkan dua mangsa terkandas dalam banjir kilat kira-kira pukul 9.25 pagi tadi.

“Terdapat dua mangsa OKU terkandas di dalam sebuah rumah. Tindakan Anggota Bomba berjaya mengeluarkan mangsa ke tempat lebih selamat.

“Keadaan di lokasi kejadian adalah terkawal dan banjir telah beransur surut,” katanya di sini, sebentar tadi.

Tambahnya, kerja-kerja pemantauan di sekitar kawasan masih dijalankan sehingga kini.

Ketika ini, hujan masih turun di beberapa kawasan dan dilaporkan berlaku kejadian air pasang besar di kawasan nelayan Sungai Batu serta Kampung Nelayan, Teluk Kumbar. -KOSMO! ONLINE